



IRSYAD

Soalan

Apakah sabun taharah yang terdapat di pasaran boleh digunakan untuk menyertu najis mughallazah?

Jawapan

Sabun taharah dikenali juga sabun tanah liat. Ia dihasilkan dari campuran tanah liat, dan beberapa mineral semulajadi seperti *sodium*, kalsium dan *potassium*.

Sertu pula bermaksud menyertu atau menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan dimulai air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali yang terkena pada pakaian, badan, atau tempat. Hal ini disebutkan di dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahu anhu* bahawa *Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

إِذَا شَرِبَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْسِلْهُ سَبْعًا

Maksud: "Apabila seekor anjing minum di dalam bejana salah seorang daripada kamu, maka hendaklah kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali basuhan."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 172)

Begitu juga berdasarkan sabda *Rasulullah Sallallahu alaihi wassallam*:

ظَهَرَ إِنَاءٌ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أُولَاهَنَّ بِالتُّرَابِ

Maksud: "Sucikan bejana kamu apabila anjing menjilatnya (bejana tersebut), iaitu dengan cara kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali, dan yang pertama basuhan dengan tanah".

(Hadis Riwayat Muslim, 279)

Berdasarkan hadis di atas, najis *mughallazah* hendaklah disertu dengan menggunakan air bercampur tanah.

Oleh kerana sabun taharah juga diproses dari tanah dengan campuran bahan lain, maka ia harus digunakan untuk melakukan sertu kerana sabun tersebut mencapai maksud yang sama dengan penggunaan tanah. Penggunaan tanah ini juga adalah satu mekanisma terkini untuk memudahkan masyarakat yang sukar untuk mendapatkan tanah bagi tujuan sertu di kawasan mereka.